

## UEM Edgenta Catat Prestasi Kukuh Disokong Oleh Penyelesaian Digital Mampan Meskipun Berdepan COVID-19

*Catat Pendapatan Sebanyak RM1.6 Bilion untuk Tempoh Sembilan Bulan Pertama 2021*

### Rumusan Keputusan Kewangan Sembilan Bulan Pertama bagi Tahun Kewangan 2021

- **Pendapatan** sebanyak RM1.6 bilion
- **Keuntungan bersih** sebanyak RM23.1 juta
- **Kedudukan tunai bersih** sebanyak RM154.6 juta
- **Kedudukan baki tunai dan bank** sebanyak RM596.2 juta
- **Nisbah gearan kasar** sebanyak 0.3 kali
- **Orderbook semasa** sebanyak RM11.3 bilion, dengan RM750 juta kontrak baharu diperolehi pada TK2021 setakat ini

**KUALA LUMPUR, 25 November** - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengumumkan keputusan kewangannya yang belum diaudit untuk tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2021 ("9M TK2021") di sini hari ini.

Syarikat melaporkan keuntungan bersih sebanyak RM23.1 juta pada 9M TK2021 dengan pendapatan sebanyak RM1.6 bilion, berbanding kerugian bersih sebanyak RM34.6 juta dan pendapatan sebanyak RM1.4 bilion masing-masing untuk tempoh yang sama pada TK2020. Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") dicatatkan sebanyak RM45.3 juta pada 9M TK2021 berbanding Kerugian Sebelum Cukai sebanyak RM11.2 juta pada 9M TK2020.

Pendapatan pada suku ketiga TK2021 meningkat 6.2% kepada RM571.9 juta berbanding RM538.6 juta pada suku sebelumnya, dengan keuntungan bersih melonjak sebanyak 38.5% daripada RM6.3 juta kepada RM8.7 juta.

Pertumbuhan pendapatan bagi kedua-dua tahun dan prestasi kewangan suku-ke-suku adalah bukti usaha Syarikat berhemat dan berdaya tahan di samping memperkukuhkan strategi pertumbuhan dengan memberi fokus kepada produk baharu dan penyelesaian berteraskan teknologi, pengembangan ke pasaran baharu dan menjalinkan kerjasama serantau. Sehingga 30 September 2021, kunci kira-kira UEM Edgenta kekal kukuh dengan mengekalkan nisbah gearan yang rendah pada 0.3 kali.

**Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Syahrudin Samsudin** berkata, "Kami sedang menuju ke arah perkembangan prestasi Syarikat yang positif di samping terus meningkatkan tahap kemahiran dan perkhidmatan kami untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan kami.

Kami teguh dalam meletakkan UEM Edgenta secara strategik dalam industri penyelesaian sokongan penjagaan kesihatan, serta syarikat penyelesaian infrastruktur terkemuka di rantau ini, dipacu oleh visi '*Edgenta of the Future 2025*' kami."

"Penyelesaian digital kami yang mampan, terutamanya dalam sokongan penjagaan kesihatan dan pengurusan aset, akan mengukuhkan kedudukan UEM Edgenta sebagai pemain utama dalam usaha pemulihan negara ketika negara bersiap sedia ke arah mempergiatkan semula ekonomi memandangkan kita kini memasuki fasa endemik COVID-19," tambah beliau.

Awal tahun ini, UEM Edgenta telah melancarkan [Edgenta NXT](#) sebagai platform ekosistem digital pertamanya dalam menyokong perniagaan melalui pendigitalan dan ketersambungan. Edgenta NXT akan memberi peluang kepada syarikat dan penyedia penyelesaian baharu untuk menjual produk mereka kepada pelanggan dalam rangkaian selepas [Edgenta NXT Procure](#) dan [Edgenta NXT Marketplace](#) mula beroperasi dalam masa terdekat.

Syahrizam turut berkata pasaran serantau akan dapat memanfaatkan dengan sepenuhnya kepakaran UEM Edgenta dalam bidang sokongan penjagaan kesihatan, pengurusan aset dan penyelesaian digital.

"Walaupun kami yakin untuk mengambil bahagian dalam peluang pertumbuhan di dalam negara memandangkan ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 5.5% hingga 6.5% pada tahun 2022, disokong oleh pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara beransur-ansur serta penyambungan semula projek pembangunan, kami juga optimis untuk meneroka peluang serantau bagi memenuhi permintaan pasaran luar yang kukuh," tambah Syahrizam.

Sepanjang tahun 2021, UEM Edgenta telah menyediakan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan secara berterusan kepada semua hospital awam dan swasta di bawah jagaannya di rantau ini. Di Malaysia, UEM Edgenta telah secara proaktif menyokong usaha pemulihan COVID-19 Kerajaan, dengan inisiatif seperti 12 Unit Rawatan Rapi di Lapangan Hibrid (*Field Hybrid ICU*) di beberapa buah hospital di seluruh negara, serta penubuhan Pusat Pemberian Vaksinasi ("PPV") untuk Remaja dan Suntikan Dos Penggalak yang ditempatkan di UEM Edgenta Learning Centre di Petaling Jaya. Sehingga kini, PPV tersebut telah memberi suntikan vaksinasi kepada lebih 25,000 individu.

### **Prestasi Bahagian Perniagaan UEM Edgenta**

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2021, berbanding prestasinya pada 9M TK2020, bahagian **Healthcare Support Services** terus mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh, dengan peningkatan pendapatan sebanyak 13.5% kepada RM1.0 bilion dan PBT sebanyak RM65.2 juta. Bahagian ini akan terus melaksanakan kontrak sedia ada, di samping mempelbagaikan penyelesaiannya yang melangkaui tawaran penjagaan kesihatan tradisional untuk memacu usaha pemulihan pasca

pandemik negara. Di peringkat serantau, bahagian ini sedang giat mencari peluang untuk beralih ke perkhidmatan nilai tambah yang lebih tinggi dalam pasaran sedia ada di Singapura dan Taiwan, sambil berkembang dalam pasaran pertumbuhan tinggi baharu seperti Arab Saudi dan Negara Kerjasama Teluk (“GCC”) yang lain.

Bagi bahagian **Property and Facility Solutions**, pendapatan dan PBT masing-masing mencatatkan sebanyak RM114.8 juta dan RM9.6 juta pada 9M TK2021. Bahagian ini sedang giat meneroka lebih banyak projek dalam bangunan komersial bernilai tinggi serta berasaskan industri dengan sistem Pengurusan Kemudahan Pintar (“*Smart Facilities Management*”) sebagai pembeza utama dalam penawarannya dan akan memanfaatkan kehadiran Syarikat di Dubai untuk terus menembusi pasaran baharu di rantau GCC.

Bagi bahagian **Infrastructure Services**, bahagian ini mencatatkan pendapatan RM400.0 juta dan PBT RM20.4 juta pada 9M TK2021. Dengan peningkatan aktiviti rentas negeri yang dilihat pada suku ketiga TK2021 berikutan penarikan sekatan perjalanan, bahagian ini dijangka akan meningkatkan operasinya dengan pertambahan jumlah trafik dan aktiviti di lebuhraya.

Bahagian **Asset Consultancy** UEM Edgenta mencatatkan pendapatan sebanyak RM58.5 juta dan Kerugian Sebelum Cukai sebanyak RM14.3 juta pada 9M TK2021. Pemulihan projek-projek infrastruktur seperti pelancaran empat pakej baharu Lebuhraya Pan Borneo baru-baru ini dijangka memberi petanda baik bagi bahagian itu untuk baki tahun 2021.

-Tamat-

#### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi ‘Edgenta of the Future 2025’, perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.